



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

LAPORAN

ANGGARAN PENDUDUK 2025

REPORT OF THE

POPULATION ESTIMATES 2025

Jabatan Perangkaan
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Keuangan dan Ekonomi

Department of Statistics
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**ANGGARAN PENDUDUK 2025
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK SEBANYAK 0.7 PERATUS BAGI TAHUN 2025

1. Anggaran jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam pada tahun 2025 ialah 458,600 orang berbanding 455,500 orang pada tahun 2024. Ini menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 0.7 peratus berbanding 1.1 peratus pada tahun 2024.
2. Jumlah penduduk pada tahun 2025 terdiri daripada 53.4 peratus lelaki (244,800 orang) dan 46.6 peratus perempuan (213,800 orang). Nisbah jantina ialah 114.5 orang lelaki bagi setiap 100 orang perempuan.
3. Rakyat Brunei menyumbang bahagian terbesar iaitu 76.7 peratus (351,700 orang) daripada jumlah penduduk. Agihan Penduduk Tetap dan Penduduk Sementara masing-masing ialah 5.8 peratus (26,500 orang) dan 17.5 peratus (80,400 orang).
4. Daerah Brunei Muara mencatatkan bilangan penduduk tertinggi iaitu sebanyak 72.5 peratus (332,700 orang) daripada jumlah penduduk, diikuti oleh Daerah Belait dengan 14.8 peratus (67,900 orang), Daerah Tutong dengan 10.6 peratus (48,500 orang), dan Daerah Temburong dengan 2.1 peratus (9,500 orang).
5. Mengikut taburan umur, kira-kira 19.8 peratus (90,800 orang) daripada jumlah penduduk berumur di bawah 15 tahun, 72.3 peratus (331,500 orang) adalah penduduk berumur 15-64 tahun dan 7.9 peratus (36,300 orang) adalah penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas. Umur penengah (*median*) penduduk pada tahun 2025 adalah 32.8 tahun berbanding 32.4 tahun pada tahun 2024.

6. Bangsa Melayu merupakan komuniti terbesar di negara ini dengan agihan sebanyak 73.5 peratus (337,200 orang) daripada jumlah penduduk. Bangsa Cina dan lain-lain bangsa masing-masing merangkumi 9.7 peratus (44,500 orang) dan 16.8 peratus (76,900 orang) daripada jumlah penduduk.
7. Laporan Anggaran Penduduk 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

POPULATION ESTIMATES 2025
BRUNEI DARUSSALAM

POPULATION GROWTH RATE OF 0.7 PER CENT IN 2025

1. *The estimated total population of Brunei Darussalam in 2025 was 458,600 persons compared to 455,500 persons in 2024. This represented an annual growth rate of 0.7 per cent compared to 1.1 per cent in 2024.*
2. *In 2025, males comprised 53.4 per cent (244,800 persons) of the total population, while females accounted for 46.6 per cent (213,800 persons). The sex ratio was 114.5 males for every 100 females.*
3. *Brunei Citizens accounted for the largest share, representing 76.7 per cent (351,700 persons) of the total population. The distribution of Permanent Residents and Temporary Residents were 5.8 per cent (26,500 persons) and 17.5 per cent (80,400 persons) respectively.*
4. *Brunei Muara District recorded the highest population, accounting for 72.5 per cent (332,700 persons) of the total population. This was followed by Belait District with 14.8 per cent (67,900 persons), Tutong District with 10.6 per cent (48,500 persons) and Temburong District with 2.1 per cent (9,500 persons).*
5. *By age distribution, approximately 19.8 per cent (90,800 persons) of the total population were below 15 years of age, 72.3 per cent (331,500 persons) were aged 15-64 years and 7.9 per cent (36,300 persons) were aged 65 years and over. The median age of the population in 2025 was 32.8 years compared to 32.4 years in 2024.*
6. *Malay formed the largest community in the country, accounting for 73.5 per cent (337,200 persons) of the total population. The Chinese and other races accounted for 9.7 per cent (44,500 persons) and 16.8 per cent (76,900 persons) respectively.*
7. *The Report of the Population Estimates 2025 is available from the DEPS website at <https://deps.mofe.gov.bn>.*